

UCAPAN YAB DATUK SERI PANGLIMA HAJI HAJI BIN HAJI NOOR, KETUA MENTERI SABAH, SEMPERA MAJLIS PERASMIAN PELANCARAN PERTUBUHAN KEBAJIKAN ISLAM SABAH (PERKIS) DAN MESYUARAT AGUNG KALI- PERTAMA, DI HOTEL RAIA (TABUNG HAJI),KOTA KINABALU PADA 4 APRIL 2021

1. Alhamdulillah, kerana dengan izin-Nya, pada hari ini saya diberi kesempatan untuk hadir dan merasmikan Pelancaran Pertubuhan Kebajikan Islam Sabah (PERKIS) dan Mesyuarat Agung Kali Pertama PERKIS hari ini.
2. Bagi pihak kerajaan negeri, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Presiden, barisan kepimpinan dan ahli-ahli PERKIS seluruh Sabah, kerana telah menggerakkan pelbagai aktiviti di negeri ini. Tanpa komitmen dan kerjasama di semua peringkat, saya pasti usaha murni yang telah dirancang, tidak akan tercapai. Oleh itu, saya berharap ahli-ahli PERKIS terus meningkatkan perpaduan dan kerjasama dengan penuh dedikasi merentasi fahaman politik kepartian, bangsa serta daerah untuk membantu ummah Islam di Sabah khususnya.
3. Walaupun berdepan dengan pelbagai cabaran termasuk pandemik COVID-19, PERKIS yang ditubuhkan pada 21 Februari 2020, berjaya menganjurkan beberapa aktiviti dan program yang memberi manfaat kepada masyarakat Islam, dengan mematuhi SOP ketat. Saya berharap agar semua program lain yang telah dan akan dirancang, dapat dilaksanakan dengan jayanya serta mencapai objektif penubuhan PERKIS seperti yang dinyatakan dalam perlembagaan PERKIS.
4. Sesuai dengan tema Majlis Pelancaran PERKIS iaitu **“PERKIS BERSATU MEMBANGUN UMMAH”** saya berharap PERKIS mampu mendepani segala isu berkaitan Islam khususnya dalam aspek perpaduan, ekonomi, kebajikan, masalah dan persepsi negatif yang ditohmahkan terhadap agama serta umat Islam.
5. Saya juga berharap PERKIS yang diterajui kepimpinan yang berpendidikan, berpengalaman dan **“multi skills”** dalam pelbagai bidang serta merentasi fahaman politik kepartian, bangsa dan kedaerahan, akan mampu merealisasikan segala aktiviti yang telah dan akan dirancang. Saya percaya semua aktiviti yang dirancang dapat dilaksanakan sebaiknya dengan barisan kepimpinan PERKIS yang diketuai oleh Datuk Seri Panglima Haji Lajim, sebagai pemimpin yang berpengalaman dan dibantu ahli jawatankuasa yang saya lihat semuanya berpengalaman sama ada dalam keagamaan mahu pun kemasyarakatan.
6. Semoga PERKIS dan badan bukan kerajaan (NGO) Islam yang lain terus bersama-sama kerajaan mendokong segala usaha dan membantu rakyat, tanpa mengira sentiman kaum dan daerah. Sabah yang mempunyai lebih 32 etnik memerlukan kita berganding bahu mengembeling tenaga dan menguruskan sumber ekonomi sebaik mungkin demi kemakmuran rakyat dan Sabah. Walaupun Sabah kaya dengan pelbagai sumber ekonomi, tetapi rakyat tidak akan menikmati kemakmuran sumber ekonomi itu jika kita gagal menguruskan sebaiknya.

7. Kerajaan Negeri sedar bahawa tidak semua perkara mampu dilaksanakan kerana agensi atau jabatan kerajaan juga mempunyai keterbatasan dan kekangan tertentu terutama untuk turun padang melihat keperluan seorang demi seorang terutama yang berada di luar bandar atau pedalaman. Oleh itu, dalam konteks ini, NGO seperti PERKIS boleh membantu kerajaan untuk menyampaikan segala bantuan dan agenda kerajaan untuk rakyat, serta begitu juga sebaliknya.

8. Dengan lafaz bismillahirrahmannirrahim, saya dengan rasminya melancarkan Perasmian Pertubuhan Kebajikan Islam Sabah dan Mesyuarat Agung Kali Pertama, PERKIS : Bersatu Membangun Ummah.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamu alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.